

Helaian Pendedahan Produk

Kad Kredit/Kad Komersial (__ / __ / ____)

Helaian Pendedahan Produk (Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda bercadang untuk memohon Kad Kredit atau Kad Komersial UOB. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am)		United Overseas Bank (M) Bhd Kad Kredit/Kad Komersial													
1. Apakah produk ini?															
<p>Kad Kredit – Ini adalah kemudahan kredit tanpa cagaran yang disediakan oleh bank kepada anda bersama dengan kad plastik. Kad kredit boleh digunakan untuk membayar apa-apa barangan dan perkhidmatan di kedai pedagang atau untuk mengeluarkan tunai melalui Pendahuluan Tunai daripada kemudahan ATM. Jenis kad yang disediakan ialah:</p> <table border="0"> <tr> <td>1. Kad Privilege Banking Visa Infinite</td> <td>2. Kad Visa Infinite</td> <td>3. Kad Visa Infinite Metal</td> <td>4. Kad Preferred Platinum MasterCard</td> </tr> <tr> <td>5. Kad Lady's Solitaire MasterCard</td> <td>6. Kad Lady's Platinum MasterCard</td> <td>7. Kad Lady's MasterCard</td> <td>8. Kad Basic Visa</td> </tr> <tr> <td>9. Kad ONE Platinum Visa</td> <td>10. Kad ONE Visa</td> <td>11. Kad PRVI Miles Visa</td> <td>12. Kad YOLO Visa</td> </tr> </table>				1. Kad Privilege Banking Visa Infinite	2. Kad Visa Infinite	3. Kad Visa Infinite Metal	4. Kad Preferred Platinum MasterCard	5. Kad Lady's Solitaire MasterCard	6. Kad Lady's Platinum MasterCard	7. Kad Lady's MasterCard	8. Kad Basic Visa	9. Kad ONE Platinum Visa	10. Kad ONE Visa	11. Kad PRVI Miles Visa	12. Kad YOLO Visa
1. Kad Privilege Banking Visa Infinite	2. Kad Visa Infinite	3. Kad Visa Infinite Metal	4. Kad Preferred Platinum MasterCard												
5. Kad Lady's Solitaire MasterCard	6. Kad Lady's Platinum MasterCard	7. Kad Lady's MasterCard	8. Kad Basic Visa												
9. Kad ONE Platinum Visa	10. Kad ONE Visa	11. Kad PRVI Miles Visa	12. Kad YOLO Visa												
<p>Kad Komersial – Program kad kredit yang memudahkan syarikat menguruskan perbelanjaan perniagaan dengan lebih baik. Jenis kad yang disediakan ialah:</p> <ol style="list-style-type: none"> Kad Perniagaan – ditawarkan kepada ahli perniagaan di bawah segmen runcit/IKS/PKS sebagai suatu pilihan yang menjimatkan masa dan kos berbanding kaedah bayaran tradisional. Kad ini mengasingkan perbelanjaan syarikat dan peribadi dan memusatkan semua perbelanjaan perniagaan seperti perjalanan dan hiburan, premium insurans, perbelanjaan petrol dan bil telefon mudah alih dalam satu kad. Ia juga berupaya meningkatkan aliran tunai. Jenis kad yang disediakan ialah Kad Platinum Visa Business, Kad Platinum Business MasterCard dan Kad World Business MasterCard. Kad Korporat – ditawarkan kepada syarikat tersenarai awam/syarikat korporat tempatan dan multinasional besar/badan berkanun bagi memudahkan pengurusan perbelanjaan perjalanan dan hiburan. Ia merupakan tempat sehati yang menggabungkan semua perbelanjaan dan maklumat perjalanan dan hiburan pengguna kad supaya perbelanjaan dapat diuruskan dengan lebih berkesan apabila syarikat menerima maklumat yang disatukan bagi semua perbelanjaan perjalanan dan hiburan. Jenis kad yang disediakan ialah Kad Korporat Visa dan Kad Korporat MasterCard. Kad Pembelian – kad pembayaran/perolehan/kredit yang ditawarkan kepada semua segmen perniagaan untuk pembayaran perbelanjaan perniagaan seperti bil utiliti (contohnya, telefon, elektrik), majlis perbandaran, premium insurans, perbelanjaan perjalanan (contohnya, tiket penerbangan, tempahan hotel, sewa kereta), bekalan pejabat (contohnya, langganan surat khabar & majalah, alat tulis, perkakasan/perisian/penyelenggaraan komputer) dan penyedia perkhidmatan pejabat (contohnya, syarikat kurier, perkhidmatan setiausaha syarikat dan undang-undang, pembersih pejabat). Ia menggantikan pesanan pembelian dan proses pembayaran tradisional untuk barangan bernilai rendah yang mempunyai volum tinggi. Ia adalah penyelesaian perolehan 'perniagaan ke perniagaan' inovatif yang memudahkan pengesahan di samping menyediakan pembayaran dan penyelesaian. Ia juga dapat mengurangkan masa dan kos yang berkaitan dengan pembayaran barangan dan perkhidmatan 'perniagaan ke perniagaan' tidak langsung dengan menghapuskan pesanan belian berasaskan kertas dan juga pemprosesan invois. Ia merupakan cara yang mudah untuk menguruskan perolehan dan membolehkan vendor dibayar tepat pada masanya sambil meningkatkan keupayaan pelanggan untuk memberi tumpuan kepada perniagaan teras. Jenis kad yang disediakan ialah Kad Pembelian Visa dan Kad Pembelian MasterCard. 															
2. Apa yang boleh saya peroleh daripada produk ini?															
<p>Had Kredit</p> <p><u>Kad Kredit</u> - Tertakluk kepada kelulusan bank yang akan dimaklumkan kepada anda. Tempoh di mana Caj Kewangan tidak perlu dibayar ialah 20 hari dari tarikh penyata transaksi runcit, dengan syarat tidak ada baki tertunggak dalam akaun kad kredit.</p> <p><u>Kad Komersial</u> - Tertakluk kepada kelulusan bank yang akan dimaklumkan kepada anda. Tempoh di mana Caj Kewangan tidak perlu dibayar ialah 30 hari dari tarikh penyata transaksi runcit, dengan syarat tiada baki tertunggak dalam akaun kad kredit.</p>															
		Kadar Tahunan													
Caj Kewangan	Pembelian	15% setahun (Bermula 1 April 2012)	Ahli Kad yang menyelesaikan Bayaran Minimum Perlu Dibayar dengan secepat mungkin sebelum Tarikh Tamat Bayaran masing-masing untuk 12 bulan sepanjang 12 bulan berturut-turut yang lepas.												
		17% setahun (Bermula 1 Mei 2012)	Ahli Kad yang menyelesaikan Bayaran Minimum Perlu Dibayar dengan secepat mungkin sebelum Tarikh Tamat Bayaran masing-masing untuk 10 bulan atau 11 bulan sepanjang 12 bulan berturut-turut yang lepas.												
		18% setahun (Bermula 1 Mei 2012)	Ahli Kad yang menyelesaikan Bayaran Minimum Perlu Dibayar dengan secepat mungkin sebelum Tarikh Tamat Bayaran masing-masing untuk 9 bulan atau kurang daripada 9 bulan sepanjang 12 bulan berturut-turut yang lepas.												
	Pendahuluan Tunai	18% setahun	Dikira pada dasar baki harian dari tarikh tunai dikeluarkan sehingga tarikh pembayaran penuh.												
	Pemindahan	18% setahun	Kadar Pemindahan Baki adalah mengikut dasar promosi. Caj kewangan lazimnya												

Baki	sebanyak 18% setahun akan dikira atas baki tertunggak yang belum dibayar selepas tamatnya tempoh promosi.
------	---

Untuk menikmati caj kewangan yang lebih rendah untuk transaksi runcit, anda harus melakukan sekurang-kurangnya 10 pembayaran tepat pada masanya sepanjang 12 bulan yang lepas.

Caj kewangan mungkin akan terus dikenakan sehingga bayaran anda dianggap telah diterima oleh kami.

3. Apakah tanggungjawab saya?

Pembayaran bulanan minimum	<ul style="list-style-type: none"> • 5% daripada baki tertunggak atau minimum RM50.00 (yang mana lebih tinggi); dan • keseluruhan jumlah ansuran bulanan kontrak bagi mana-mana Pelan Easi-Payment, Pelan Pembayaran Ansuran dan/atau Pemindahan Baki; dan • ansuran pinjaman berjangka bulanan kontrak untuk sebarang Penukaran Baki Automatik (ABC); dan • bayaran minimum belum dibayar yang lain daripada Penyata Akaun sebelumnya, tertakluk kepada jumlah minimum RM50.00
Tempoh bebas faedah	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk transaksi runcit – 20 hari dari tarikh penyata, jika anda membayar baki secara penuh dan tepat pada masanya. Bagi Kad Komersial (liabiliti syarikat), tempoh bebas faedah ialah 30 hari dari tarikh penyata. • Jika anda tidak membayar secara penuh dan tepat pada masanya, caj kewangan atas transaksi runcit akan dikira dari tarikh masuk transaksi. • Tempoh bebas faedah tidak boleh digunakan untuk pemindahan baki atau pendahuluan tunai.

- Sebagai pemegang kad utama, anda bertanggungjawab ke atas semua transaksi yang ditanggung oleh pemegang kad tambahan.

4. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

Fi Tahunan

Kad Kredit

Jenis Kad	* Utama (RM)	* Tambahan (RM)
Kad Privilege Banking Visa Infinite <i>Permohonan bagi Kad Privilege Banking Visa Infinite adalah melalui jemputan sahaja</i>	600.00	300.00
Kad Visa Infinite ¹	600.00	300.00
Kad Visa Infinite Metal <i>Kad Visa Infinite Metal Card adalah melalui jemputan sahaja</i>	3,000.00	800.00
Kad Lady's Solitaire MasterCard ²	300.00	30.00
Kad Preferred Platinum MasterCard	198.00	30.00
Kad PRVI Miles Visa	198.00	30.00
Kad ONE Platinum Visa	168.00	30.00
Kad Lady's Platinum MasterCard	128.00	30.00
Kad Lady's MasterCard	68.00	30.00
Kad ONE Visa	68.00	30.00
Kad YOLO Visa	90.00 (7.50 sebulan) ³	30.00
Kad Basic Visa	72.00 (6.00 sebulan) ⁴	30.00

* Bermula 1 September 2018, SST sebanyak RM25 akan dikenakan ke atas setiap kad kredit pada dasar tahunan.

¹ Fi tahunan untuk kad Visa Infinite akan dikecualikan untuk perbelanjaan tahunan RM50,000 dan ke atas.

² Fi tahunan untuk kad Lady's Solitaire MasterCard akan dikecualikan untuk perbelanjaan tahunan RM30,000 dan ke atas.

³ RM7.50 untuk kad YOLO Visa Card akan dikecualikan selepas satu (1) transaksi runcit dilakukan setiap bulan kalendar.

⁴ RM6.00 untuk kad Basic Visa akan dikecualikan selepas satu (1) transaksi runcit dilakukan setiap bulan penyata.

Kad Komersial

Kad Platinum Business Kad Korporat Kad Pembelian	<p>Fi Tahunan ialah RM150 setiap kad dan dikecualikan untuk dua (2) tahun pertama (1).*</p> <p>Untuk tahun-tahun berikutnya, Fi Tahunan akan dikecualikan secara automatik mengikut struktur perbelanjaan kad berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengecualian 100% untuk perbelanjaan tahunan RM24,000 dan ke atas. • Pengecualian 75% untuk perbelanjaan tahunan RM18,000 dan ke atas. • Pengecualian 50% untuk perbelanjaan tahunan RM12,000 dan ke atas. • Pengecualian 25% untuk perbelanjaan tahunan RM6,000 dan ke atas.
Kad World Business MasterCard	<p>Fi Tahunan ialah RM388 setiap kad dan dikecualikan untuk tahun pertama (1).*</p> <p>Untuk tahun-tahun berikutnya, Fi Tahunan akan dikecualikan secara automatik mengikut struktur perbelanjaan kad berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengecualian 100% untuk perbelanjaan tahunan RM50,000 dan ke atas.

* Bermula 1 September 2018, SST sebanyak RM25 akan dikenakan ke atas setiap kad kredit pada dasar tahunan.

2. Fi pendahuluan tunai	5% atau RM20.00, (yang mana lebih tinggi) untuk setiap Pengeluaran Pendahuluan Tunai + 18% setahun faedah harian.
3. Fi penggantian kad	RM50.00 bagi setiap Kad Kredit (RM500.00 bagi setiap Kad Logam) untuk menggantikan Kad Kredit yang

	hilang atau dicuri.
4. Fi mendapat kembali draf jualan	RM5.00 bagi setiap salinan dan RM15.00 bagi setiap draf asal.
5. Fi salinan cetak penyata	RM1 bagi setiap salinan cetak penyata setiap bulan
6. Fi permintaan penyata tambahan	RM5.00 untuk permintaan jumpa terus atau faksimili & RM6.00 untuk permintaan mel biasa.
7. Fi penukaran transaksi luar negara	Jika anda menggunakan Kad Kredit untuk transaksi dalam mata wang selain Ringgit Malaysia, ia akan ditukar melalui Visa/MasterCard International pada kadar penukaran seperti yang ditentukan oleh Visa/MasterCard International pada waktu transaksi tersebut berlaku. Selain itu, kos pentadbiran sebanyak 1% atau kadar lain sedemikian yang ditentukan oleh kami untuk penukaran transaksi yang dilakukan dalam mata wang selain Ringgit Malaysia akan dikenakan kepada anda.
8. Perkhidmatan Penukaran Mata Wang Dinamik (DCC) (Bermula 1 Ogos 2016)	Jika anda menggunakan Kad Kredit untuk melakukan transaksi dengan pedagang luar negara dan memilih untuk membayar dalam Ringgit Malaysia (termasuk pembelian dalam talian yang menggunakan mata wang asing), anda akan menggunakan perkhidmatan Penukaran Mata Wang Dinamik (DCC). Apabila menggunakan perkhidmatan DCC, kadar pertukaran yang digunakan oleh pedagang luar negara mungkin lebih tinggi daripada kadar pertukaran yang ditentukan oleh Visa/MasterCard International apabila anda membayar dalam mata wang asing. Selain itu, fi sebanyak 0.8% akan dikenakan untuk jumlah Ringgit Malaysia yang ditukar
9. Fi melebihi had	Tidak berkaitan
10. Cukai Perkhidmatan	RM25 (dikenakan ke atas setiap kad kredit utama dan tambahan).
11. Bayaran Balik Baki Kredit	RM2.00 untuk Komisen & RM0.15 untuk Duti Setem & RM0.50 untuk Fi Pemprosesan Cek.

5. Bagaimanakah jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?

- Caj bayaran lewat: maksimum 1% daripada baki tertunggak atau minimum RM10.
- Hak untuk tolak selesai: Kami berhak untuk tolak selesai sebarang baki kredit dalam akaun anda terhadap sebarang baki tertunggak dalam akaun kad kredit ini.
- Anda bertanggungjawab untuk transaksi tanpa kebenaran berasaskan PIN jika anda:
 - bertindak dengan cara yang melibatkan penipuan, atau
 - lewat memaklumkan kami dengan secepat mungkin setelah mengetahui tentang kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran kad kredit anda, atau
 - mendedahkan PIN anda secara sukarela kepada orang lain, atau
 - merekodkan PIN anda pada kad kredit, atau pada apa-apa yang berdekatan dengan kad kredit anda.
- Anda akan bertanggungjawab ke atas transaksi tanpa kebenaran yang memerlukan pengesahan tandatangan atau dengan kad tanpa sentuh, jika anda:
 - bertindak dengan cara yang melibatkan penipuan, atau
 - lewat memaklumkan kami dengan secepat mungkin setelah mengetahui tentang kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran kad kredit anda, atau
 - meninggalkan kad kredit atau item yang mengandungi kad kredit anda tanpa diawasi di tempat yang dapat dilihat dan boleh diakses oleh orang lain; atau
 - membenarkan orang lain secara sukarela untuk menggunakan kad kredit anda.
- Jika anda gagal mematuhi terma dan syarat kad kredit, kami berhak untuk menamatkan kad anda.

6. Bagaimana jika saya menyelesaikan pinjaman dengan sepenuhnya sebelum tarikh matang? (Untuk pemindahan baki dan pelan bayaran mudah)

Kad Kredit / Kad Komersial (digunakan HANYA untuk liabiliti peribadi Kad Komersial)

- Tempoh terkunci: Tiada tempoh terkunci
- Penalti penyelesaian awal:
 - Pemindahan Baki - RM100
 - Pelan Flexi-Credit - RM50 dan jumlah yang bersamaan dengan faedah perlu dibayar 1 bulan oleh Ahli Kad
 - Pelan Easi-Payment - RM50

7. Apakah risiko utama?

- Jika anda hanya membayar jumlah minimum, ia akan mengambil masa lebih lama dan mempunyai kos lebih tinggi untuk menyelesaikan baki tertunggak. Pertimbangkan keupayaan pembayaran balik anda apabila menggunakan kad kredit.
- Jika anda menggunakan kad kredit anda untuk pembayaran balik kemudahan pembiayaan lain, anda mungkin perlu membayar kos yang lebih tinggi.

- Jika anda mempunyai masalah untuk membayar baki kad kredit anda, hubungi kami dengan secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran balik.
- Anda perlu memaklumkan kami dengan serta-merta setelah mendapati kehilangan atau penggunaan tanpa kebenaran bagi kad kredit anda.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat hubungan saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kami mengenai sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda bagi memastikan alamat surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai kad, sila rujuk kepada buku kecil bankinginfo tentang 'Kad Kredit', yang boleh didapati di semua cawangan kami dan laman web www.bankinginfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di: **United Overseas Bank (Malaysia) Bhd**

Tel: Kuala Lumpur: 03-26128121 Pulau Pinang: 04-2401121 Johor Bahru: 07-2881121 Kuching: 082-287121 Kota Kinabalu: 088-477121

Faks: 03-26900121 Email: uobcustomerservice@uob.com.my

10. Di manakah boleh saya dapatkan bantuan dan pembelaan?

Jika anda mempunyai masalah pembayaran balik, sila hubungi kami dengan secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran balik. Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara untuk menyediakan perkhidmatan percuma bagi pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di Tingkat 8, Maju Junction Mall, 1001, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.

Talian Hotline: 03-2616 7766 **E-mel:** enquiry@akpk.org.my

Jika anda ingin mengadu tentang produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, sila hubungi kami di 03-26128 121 (Kuala Lumpur), 04-2401 121 (Pulau Pinang), 07-2881121 (Johor Bahru), 082-287 121 (Kuching), 088-477 121 (Kota Kinabalu) atau sila kunjungi mana-mana cawangan UOB.

Jika pertanyaan atau maklum balas anda tidak diselesaikan secara memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi LINK atau TELELINK Bank Negara Malaysia di Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300-88-5465

Faks: 03-2174 1515

11. Produk kad kredit lain yang disediakan

- Penukaran Baki Automatik
- Pemindahan Baki
- Pelan Flexi Credit
- Pendahuluan Tunai
- Pelan Easi-Payment
- Pelan Bayaran Ansuran
- Credit Shield Plus

NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MELAKUKAN PEMBAYARAN BALIK PADA BAKI KAD KREDIT ANDA.

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada Mac 2020.